

SENARAI PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) UNTUK PEPERIKSAAN

(kemaskini : 26 Oktober 2021)

1. Calon peperiksaan yang telah *lengkap vaksinasi dibenarkan menduduki peperiksaan dan digalakkan untuk membuat ujian sendiri COVID-19 sebelum hadir ke pusat peperiksaan sebagai langkah pencegahan awal. Calon perlu mengemukakan Kad/Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 dan kad pengenalan sebagai pembuktian.
2. Calon peperiksaan yang tidak lengkap / belum / tidak boleh divaksin perlu menjalani *pre-event test* menggunakan kit ujian sendiri (*saliva*) yang disediakan sendiri oleh calon sebelum hadir. Ujian ini perlu disaksikan oleh penganjur (pegawai peperiksaan) atau disahkan oleh pengamal perubatan sebelum dibenarkan menduduki peperiksaan.
3. Calon perlu mematuhi protokol kesihatan umum yang ditetapkan seperti pemeriksaan suhu badan, mengimbas MySejahtera, menjaga penjarakan fizikal, menggunakan *hand sanitizer* dan memakai pelitup separuh muka dengan betul sepanjang masa peperiksaan dilaksanakan.
4. Calon perlu mengemaskini status risiko COVID-19 di aplikasi MySejahtera pada hari peperiksaan dan hanya calon dengan status '*Low Risk*' termasuk '*Casual Contact Low Risk*' sahaja dibenarkan masuk bilik/dewan peperiksaan.
5. Calon yang *bergejala, sedang dalam Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), *Person Under Surveillance (PUS)* dan sedang dalam Perintah Kuarantin adalah tidak dibenarkan hadir/menduduki peperiksaan.
6. Calon peperiksaan juga dikehendaki untuk mematuhi peraturan-peraturan lain yang ditetapkan oleh pusat-pusat peperiksaan (jika ada).

***lengkap vaksinasi i) Vaksin Covid-19, jenis 2 Suntikan – 14 hari selepas suntikan ke-2
ii) Vaksin Covid-19, jenis 1 Suntikan - 28 hari selepas suntikan**

***Gejala i) Demam ii) Batuk iii) Selsema iv) Sukar bernafas v) Sakit tekak**